

JABATAN KORPORAT

TARIKH:12.07.2023 MASA:09.30am

MUKTAMAD



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

LAWATAN

YANG BERTHORMAT DATO' MOHD SAYUTHI BIN BAKAR  
**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

KE MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TARIKH / MASA / TEMPAT

**12 JULAI 2023 (RABU)**

**10.00 PAGI**

**DEWAN KENANGA  
MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan berkat limpah kurnia-Nya telah mengizinkan kita bersama-sama hadir dalam Lawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).
2. Saya mewakili seluruh warga kerja MBSP, mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengalu-alukan Yang Berhormat Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, yang telah sudi hadir dalam lawatan kerja ke Majlis Bandaraya Seberang Perai. Sesungguhnya kehadiran Yang Berhormat Dato' amat bermakna kerana ini menzahirkan komitmen peringkat tertinggi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha memperkasakan peranan dan perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Pulau Pinang.

3. Saya juga mengalu-alukan kehadiran semua Pegawai-Pegawai Kanan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
  
4. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah merupakan kerajaan tempatan yang mentadbir Seberang Perai yang berkeluasan 738.41 kilometer persegi dengan penduduk seramai lebih kurang 1juta orang.
  
5. MBSP menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan perbandaran kepada penduduk serta bertanggungjawab pada kesihatan dan sanitasi awam, pengurusan dan pembuangan sampah, perancangan bandar, perlindungan dan kawalan alam sekitar, pembangunan ekonomi dan sosial, pengurusan lalu lintas dan penyelenggaraan umum bagi infrastruktur bandar. MBSP sentiasa komited untuk melaksanakan pelbagai program untuk rakyat dan menggariskan dasar-dasar atau garis panduan yang mudah, cepat, cekap dan telus.
  
6. MBSP ditadbir oleh satu badan pengurusan yang dianggotai oleh Datuk Bandar selaku ketua eksekutif dan 24 orang Ahli Majlis. Badan pengurusan MBSP adalah diurusetikan oleh 19 Jabatan, dua (2)

Bahagian dan tiga (3) Unit yang diketuai oleh Setiausaha Bandaraya selaku Ketua Pentadbiran.

7. MBSP sehingga kini mempunyai kakitangan seramai 4,015 orang di mana bilangan pegawai di peringkat Pengurusan dan Profesional adalah berjumlah 74 orang.
8. Keutamaan pengurusan dan pentadbiran MBSP adalah untuk memastikan kecekapan dan keberkesanan dalam penyampaian perkhidmatan di samping menjadikan kualiti dan integriti sebagai budaya kerja khasnya dan hidup kita amnya. Pematuhan kepada perundangan adalah penting untuk memastikan bahawa kita tidak lari atau tersasar dari haluan memartabatkan prinsip ABC (Amanah, Betul dan Cepat). MBSP juga mengamalkan konsep SMART dalam melaksanakan tugas harian (*S- Specific, M- Measurable, A- Achievable, R- Reliable, T- Time*) bagi memangkin Seberang Perai ke arah *liveable and aspiring city*. Pentadbiran MPSP juga meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada pendekatan *smart partnership* dalam merungkai kekuatan perkongsian jalinan kerjasama pelbagai pihak secara langsung dan tidak langsung yang memberi impak positif terhadap usaha-usaha MBSP dalam *institutional reform* dan sistem

penyampaian yang pantas supaya semua rakyat Seberang Perai dapat menikmati serta menerima manfaatnya.

9. MBSP telah melancarkan Pelan Strategi MBSP 2023-2030 dan *Seberang Perai Corporate Priorities 2023* pada 18 April 2023 dan telah membuat pembaharuan terhadap visi dan misi MBSP iaitu:

**VISI:**

Seberang Perai Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar

**MISI:**

Menawarkan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan berkesan dan proaktif kepada kehendak komuniti Seberang Perai berlandaskan prinsip Amanah, Betul dan Cepat

10. MBSP merupakan organisasi pertama di Malaysia yang mendapat Pensijilan Sistem Pengurusan ISO, di mana MBSP berjaya mendapatkan lapan (8) pensijilan dan satu Pensijilan 5s yang membawa kepada Sembilan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti. Pensijilan bukan keutamaan kita. Sebagai sebuah PBT, yang juga mengguna pakai Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA), kita

harus berpegang kepada *Total Quality Management* yang berorientasikan pelanggan. Sebenarnya semua pensijilan ini adalah untuk membantu kita dalam memberikan garis panduan yang jelas dan telus bagi melaksanakan kerja dengan Amanah, Betul dan Cepat (ABC).

11. MBSP telah berjaya mengekalkan penarafan 5 bintang dalam Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2022. Pengiktirafan ini diberikan oleh KPKT dan telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri KPKT pada 12 Mac 2023 di Ipoh Perak.
12. MBSP juga telah berjaya merangkul Anugerah Bandar Mampan dan Anugerah Bandar Bahagia yang dianjurkan oleh KPKT dan anugerah itu telah disampaikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang kepada MBSP melalui Mesyuarat Perancang Negeri pada 28 Februari 2023.
13. Untuk makluman Yang Berhormat Dato', MBSP akan menganjurkan *Seberang Perai International Conference On Eco Tourism (SPICEC)* dengan tema "*The Power and Aspiration Of Rivers*" pada 4 dan 5 Oktober 2023. SPICEC merupakan satu persidangan antarabangsa dan ini merupakan kali ketiga ianya dianjurkan di Seberang Perai.

SPICEC merupakan satu medium bagi industri pelancongan, agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan untuk berkongsi pandangan dan pendapat dalam industri eko-pelancongan dan usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar.

14. Saya akan menjemput Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, Setiausaha Bandaraya untuk memberikan taklimat lanjut tentang MBSP sebentar lagi.
  
15. Saya bersama-sama Ahli-Ahli Majlis MBSP, Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, pemimpin-pemimpin persatuan MBSP dan kakitangan MBSP akan sentiasa berusaha memberikan yang terbaik kepada arus kecemerlangan Seberang Perai untuk menjadikan bandaraya Seberang Perai selesa untuk didiami, bekerja, menjadi tarikan pelaburan, bandaraya pintar dan rendah karbon.
  
16. Akhirnya, saya mewakili warga kerja MBSP ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar serta rombongan atas kesudian melawat MBSP

pada hari ini. Mohon pandangan dan nasihat Yang Berhormat Dato'  
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***